



**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
TRANSFORMASI DAN KESTABILAN POLITIK**

DI ANTARA

KERAJAAN PERSEKUTUAN

DAN

PAKATAN HARAPAN

13 SEPTEMBER 2021

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN TRANSFORMASI DAN KESTABILAN

POLITIK ini adalah dibuat pada **13 haribulan September, 2021**.

DI ANTARA

KERAJAAN PERSEKUTUAN (Kerajaan);

DAN

PAKATAN HARAPAN (Pakatan Harapan).

Mukadimah

- I. Menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mengambil kira kedudukan kerusi pihak kerajaan dan pembangkang di Parlimen adalah hampir seimbang, maka perlunya satu pendekatan baru kerjasama “dwi-partisan” untuk mengembalikan kestabilan politik negara demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara;
- II. Menjunjung titah nasihat Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis;

- III. Di atas kesedaran dan keprihatinan terhadap kepentingan rakyat dan negara dalam menghadapi krisis kesihatan khususnya wabak Covid-19, keadaan ekonomi yang mendesak dan kesan sosial yang dihadapi oleh semua lapisan rakyat serta sektor akibat daripada penularan pandemik tersebut; dan
- IV. Tumpuan sepenuhnya dan keutamaan adalah perlu diberikan oleh Kerajaan dan Pakatan Harapan kepada kestabilan politik dan pentadbiran negara serta juga usaha-usaha bagi membendung penularan wabak Covid-19 dan pemulihan ekonomi, serta berusaha untuk mewujudkan sebuah lanskap politik yang baru dengan melaksanakan transformasi dan pembaharuan dalam tatakelola pentadbiran kerajaan khususnya memperkasakan peranan institusi Parlimen.

Pihak-pihak Bersetuju dengan balasan, antara lain, perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik ini:

1. Definisi & Interpretasi

Dalam **Memorandum Persefahaman** ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:

'Kerajaan' ertinya Kerajaan Persekutuan Malaysia di bawah pentadbiran YAB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sebagai Perdana Menteri.

'Lampiran'	ertinya Lampiran kepada Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik ini.
'Memorandum Persefahaman'	ertinya Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik ini.
'Pakatan Harapan'	ertinya gabungan politik Pakatan Harapan dan termasuk parti-parti politik PARTI Keadilan Rakyat (PKR), PARTI Tindakan Demokratik (DAP), PARTI Amanah Negara (AMANAH) dan PERTUBUHAN KINABALU PROGRESIF BERSATU (UPKO) dan semua Ahli Parlimen di bawah gabungan ini.
'Transformasi'	ertinya semua reformasi, perubahan, pindaan dan/atau penambahbaikan yang disenaraikan dan digambarkan dengan lebih baik di Lampiran dilampirkan kepada dan adalah bahagian integral kepada Memorandum Persefahaman ini dan hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

- 1.1 Perkataan-perkataan yang membawa maksud satu adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya, perkataan-perkataan yang membawa maksud suatu jantina juga merujuk kepada setiap jantina, dan perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang perseorangan adalah juga merujuk kepada parti-parti politik, badan-badan sama ada diperbadankan ataupun tidak diperbadankan.

1.2 Rujukan kepada mukadimah, klausa dan Lampiran adalah rujukan kepada mukadimah, klausa dan Lampiran kepada Memorandum Persefahaman ini, yang merupakan bahagian integral kepada Memorandum Persefahaman ini dan hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

1.3 Tajuk-tajuk adalah hanya untuk mempermudah rujukan sahaja dan tidak menjejaskan pentafsiran Memorandum Persefahaman ini.

2. Tempoh masa

2.1. Memorandum Persefahaman ini hendaklah berkuatkuasa daripada tarikh Perjanjian ini ditandatangani dan hendaklah terpakai sehingga pembubaran Parlimen Malaysia yang ke-14.

3. Persefahaman Pihak- Pihak

3.1. Kerajaan bersetuju tidak akan mengusulkan pembubaran Parlimen sebelum 31 haribulan Julai 2022.

3.2. Kerajaan hendaklah berusaha dengan ikhtiar terbaik melaksanakan setiap satu dan segala Transformasi yang dicadangkan dan dalam aturan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

3.3. Sebagai balasan kepada penunaian dan pelaksanaan Transformasi dalam aturan masa yang dipersetujui di dalam Lampiran kepada Memorandum Persefahaman ini, Pakatan Harapan dengan ini bersetuju untuk melaksanakan perkara berikut pada masa material:

- a. Tertakluk kepada penunaian dan pelaksanaan Transformasi di dalam Memorandum Persefahaman ini, mengambil pendirian menyokong atau berkecuali bagi undi Belanjawan 2022 dan undang-undang perbekalan atau kewangan berkaitan dengan Belanjawan 2022, selepas proses penggubalan rang undang-undang tersebut dirundingi dan dipersetujui secara bersama pada dasarnya; dan

- b. Tertakluk kepada penunaian dan pelaksanaan Transformasi di dalam Memorandum Persefahaman ini, mengambil pendirian menyokong atau berkecuali dalam proses meluluskan apa-apa usul kerajaan atau rang undang-undang lain yang kegagalan meluluskannya merupakan suatu bentuk ketidakpercayaan atau tiada keyakinan kepada Kerajaan, selepas proses penggubalan rang undang-undang tersebut dirundingi dan dipersetujui secara bersama pada dasarnya.

4. Penunaian dan Pelaksanaan Transformasi

- 4.1. Walau apapun terma-terma bercanggah yang terkandung di sini, Pihak-pihak dengan ini mengiktiraf dengan nyata bahawa kegagalan untuk menunaikan dan melaksanakan klausa-klausa 3.1, 3.2 dan 3.3 dan mana-mana Tranformasi adalah suatu pelanggaran Memorandum Persefahaman ini dan boleh mengakibatkan penamatan Perjanjian ini.

4.2. Pihak-pihak seterusnya bersetuju untuk bekerjasama dan berkomunikasi bagi terus menunaikan dan melaksanakan setiap Transformasi yang dinyatakan dalam Memorandum Persefahaman ini bersekali dengan Lampiran.

5. Masa

5.1. Masa, di mana disebut, hendaklah menjadi intipati kepada Memorandum Persefahaman ini.

6. Tiada Kerahsiaan

6.1. Pihak-pihak dengan ini bersetuju untuk mendedahkan sepenuhnya Memorandum Persefahaman ini kepada umum sebagai komitmen terhadap keterbukaan penuh dan kebertanggungjawaban.

7. Keseluruhan Memorandum Persefahaman

7.1. Melainkan dinyatakan secara khusus di sini, Memorandum Persefahaman ini membatalkan segala cadangan lisan atau bertulis terdahulu, segala perbincangan terdahulu, segala komunikasi atau persefahaman di antara Pihak-pihak.

7.2. Lampiran kepada Memorandum Persefahaman ini hendaklah dibaca dan ditakrifkan sebagai bahagian integral Memorandum Persefahaman ini.

8. Pemakaian Undang-undang


8.1 Memorandum Persefahaman ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

9. Tugas dan Peranan Pakatan Harapan Sebagai Pembangkang

9.1. Kerajaan dan Pakatan Harapan bersetuju bahawa tiada apa perkara sekalipun yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini yang akan memberi kesan terhadap peranan, hak dan tanggungjawab Pakatan Harapan untuk menyemak imbang, mengawasi, meneliti, dan memastikan Kerajaan bertanggungjawab terhadap Parlimen, termasuk memastikan ketelusan, integriti dan keberkesanan Kerajaan dalam mengendalikan isu-isu rakyat.

BAGI MENYATAKAN PERSETUJUAN, KOMITMEN DAN MENYAKSIKAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ini di antara pihak-pihak yang telah menurunkan tandatangan-tandatangan di bawah ini pada tarikh dan tahun sepertimana yang tertulis di atas:

Ditandatangani oleh:



**YAB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN
YAAKOB**

Perdana Menteri Malaysia
(Bagi pihak Kerajaan)


Disaksikan oleh:



**YB. TAN SRI ANNUAR BIN HAJI
MUSA**

Menteri Komunikasi dan Multimedia


Ditandatangani oleh:



YB. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Ahli Parlimen Port Dickson
(Bagi pihak Pakatan Harapan)

Disaksikan oleh:




**YB. DATUK SERI SAIFUDDIN
NASUTION BIN ISMAIL**

Ahli Parlimen Kulim-Bandar Bharu

Ditandatangani oleh:

Disaksikan oleh:



YB. TUAN LIM GUAN ENG

YB. TUAN LOKE SIEW FOOK


Ahli Parlimen Bagan

Ahli Parlimen Seremban

(Bagi pihak Pakatan Harapan)

Ditandatangani oleh:

Disaksikan oleh:



YB. TUAN MOHAMAD BIN SABU


**YB. DATUK SERI SALAHUDDIN
BIN AYUB**

Ahli Parlimen Kota Raja

Ahli Parlimen Pulau

(Bagi pihak Pakatan Harapan)

Ditandatangani oleh:




**YB. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MADIUS TANGAU**

Ahli Parlimen Tuaran

(Bagi pihak Pakatan Harapan)

Disaksikan oleh:



**YB. DATUK SENATOR PETER
DONALD MOJUNTIN**

Ahli Dewan Negara

LAMPIRAN

Setiap satu dan segala Transformasi yang terkandung di sini adalah material dan merupakan bahagian integral kepada Memorandum Persefahaman ini.

TRANSFORMASI-TRANSFORMASI

Yang berikut menggambarkan transformasi-transformasi yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak.

1. Pemerkasaan Pelan COVID-19

- 1.1. Majlis Pemulihan Negara hendaklah terdiri daripada lima puluh peratus (50%) pakar-pakar daripada sektor awam dan swasta yang dilantik oleh Kerajaan sebagai penasihat dengan mana pihak Pembangkang boleh mengemukakan namanya, dua puluh lima peratus (25%) Ahli Parlimen Kerajaan dan dua puluh lima (25%) Ahli Parlimen Pembangkang;
- 1.2. Kerajaan akan membentangkan untuk kelulusan Parlimen penambahan had Dana COVID-19 sebanyak RM45 bilion dari RM65 bilion seperti yang diluluskan oleh Parlimen tahun lalu kepada RM110 bilion. Peningkatan ini akan membantu memenuhi keperluan tambahan dalam mengatasi krisis COVID-19 dari segi mengukuhkan sistem kesihatan, menambahbaik bantuan kepada rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan;
- 1.3. Dalam menangani krisis kesihatan COVID-19, peruntukan tambahan akan disediakan untuk meningkatkan dan menyegerakan usaha menyaring kes COVID-19, pengesanan kontak rapat dan pengasingan mereka yang positif

atau “*find, test, trace, isolate, support and vaccinate*” (FTTIS +V). Kerajaan juga akan mengukuhkan sistem kesihatan terutamanya dalam menambah petugas kesihatan serta meningkatkan kapasiti wad ICU, termasuk penyelarasan penempatan pesakit dari hospital awam ke hospital swasta, selaras dengan pendekatan pengemblengan nasional “*Whole of Nation*”;

- 1.4. Untuk bantuan kepada rakyat, bantuan tunai sebanyak RM10 bilion akan disalurkan kepada 11 juta penerima dalam separuh kedua tahun 2021. Bantuan tunai ini akan diteruskan pada tahun 2022 untuk golongan B40 meliputi bantuan bersasar kepada golongan miskin tegar, miskin bandar dan M40 yang kehilangan pendapatan;
- 1.5. Bagi menyokong kelangsungan perniagaan dan pemulihan ekonomi, dana tambahan Kumpulan Wang COVID-19 akan digunakan bagi membantu insentif pengambilan pekerja serta meningkatkan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk kumpulan informal dan mikro;
- 1.6. Meningkatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan dengan mempercepatkan pembelian tambahan sejumlah 6 juta dos vaksin lagi yang dijangka akan diterima menjelang awal September 2021;
- 1.7. Mengusahakan pengecualian bayaran faedah untuk moratorium pinjaman bank kepada kumpulan lima puluh peratus (50%) terbawah daripada keseluruhan rakyat Malaysia untuk tempoh tiga (3) bulan pada suku keempat 2021; dan

- 1.8. Klausula 1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6 dan 1.7 hendaklah dilaksanakan dalam tempoh Penggal Ke-4 Parlimen (tahun 2021).

2. Transformasi Pentadbiran

- 2.1 Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti dan/atau undang-undang yang berkenaan akan dibentangkan dan dilulus di Parlimen mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan/atau mana-mana undang-undang berkaitan;
- 2.2 Memastikan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempercepatkan lagi tindakan untuk pelaksanaan pendaftaran umur minima pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik, termasuk memperhalusi pengecualian kepada Raja Memerintah, Waris Takhta dan Tuan Yang Di Pertua Negeri bersekali dengan pasangan masing-masing;
- 2.3 Membentangkan dan meluluskan suatu RUU Pindaan Perlembagaan untuk mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada tidak melebihi sepuluh (10) tahun.
- 2.4 Klausula 2.1, 2.2 dan 2.3 hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak lewat dari Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Parlimen (tahun 2022).

3. Pembaharuan Parlimen (Parliamentary Reform)

- 3.1. Membentang dan meluluskan Undang-undang berkaitan Perkhidmatan Parlimen setelah diadakan perbincangan, libat urus dan persetujuan Yang Di-Pertua kedua-dua Dewan untuk mewujudkan semula kebebasan kewangan dan pentadbiran Parlimen. Klausula ini hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak lewat dari Mesyuarat Kedua Penggal Ke-5 Parlimen (tahun 2022);

- 3.2 Memastikan Parlimen menstruktur semula Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada dan menambah lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengikut keperluan dengan Jawatankuasa Dewan bagi kedua-dua Dewan menetapkan terma rujukan dan fungsi serta bidang kuasanya;

- 3.3 Memastikan jumlah Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen adalah lebih seimbang supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing di dalam Majlis seperti termaktub di dalam Perkara 82(1) Peraturan Mesyuarat, dan memastikan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dipengerusikan secara sama rata oleh Ahli Parlimen Kerajaan dan Ahli Parlimen Pembangkang. Seajar dengan jangkaan bebanan tugas yang akan bertambah dalam melaksanakan fungsi semak dan imbang yang lebih efektif, Kerajaan Persekutuan akan menyediakan kakitangan sokongan dan elaun yang berpatutan kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen;

- 3.4 Melaksanakan pindaan-pindaan yang perlu kepada Peraturan Mesyuarat (*Standing Order*), tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan Yang Di Pertua kedua-dua Dewan, bagi memastikan prosiding Dewan Rakyat dan Dewan Negara berjalan secara teratur dan berkesan;
- 3.5 Memperuntukkan dan menyalurkan peruntukan yang bersamaan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat Kerajaan kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat yang terlibat dalam Persefahaman ini, untuk menjamin khidmat yang berkesan dan manfaat akhir dinikmati rakyat;
- 3.6 Memastikan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat diberi hak dan kemudahan yang sewajarnya bagi memastikan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih efektif dan menyeluruh; dan
- 3.7 Klausula 3.2, 3.3, 3.4, 3.5 dan 3.6 hendaklah dilaksanakan dengan serta merta.

4. Kebebasan Institusi Kehakiman

- 4.1. Memastikan terlaksana sepanjang masa kebebasan badan kehakiman, tranformasi institusi dan tatakelola kerajaan yang baik bagi memastikan keadaan yang lebih kondusif untuk rakyat dan negara.

5. Perjanjian Malaysia MA63

- 5.1. Memperkukuh usaha ke arah pelaksanaan perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengannya.

6. Jawatankuasa Pemandu

- 6.1. Menubuhkan suatu Jawatankuasa Pemandu seramai sepuluh (10) orang yang terdiri dari lima (5) orang wakil Kerajaan yang dinamakan oleh YAB Perdana Menteri dan lima (5) orang wakil Pembangkang yang bertindak sebagai perunding, pemudah cara dan perwakilan sah bagi kedua-dua pihak. Status Jawatankuasa Pemandu ini akan berkuatkuasa sepanjang tempoh Memorandum Persefahaman ini berkuatkuasa dengan terma rujukan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- 6.2. Jawatankuasa Pemandu ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap dua (2) minggu, atau mengikut jadual yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.